

**Dewan Ulama Mahu Hadi Terus Pimpin PAS**  
**Bernama**  
**13 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Dewan Ulama PAS Pusat mahu presiden parti Datuk Seri Abdul Hadi Awang terus memimpin parti itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya Datuk Harun Taib berkata kepimpinan Abdul Hadi diperlukan bukan sahaja di peringkat parlimen bahkan di peringkat negeri Terengganu.

Keputusan itu dicapai secara sebulat suara oleh semua anggota jawatankuasa Dewan Ulama PAS Pusat pada mesyuaratnya baru-baru ini, katanya dalam satu kenyataan pada laman web rasmi PAS Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645338>